

CABARAN GURU PRASEKOLAH YANG MENGAJAR KANAK-KANAK GELANDANGAN

Norhafizan Ismail¹, Aliza Alias²
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

¹Norhafizan Ismail
fiz_ismail@yahoo.com

²Aliza Alias
eliza@ukm.edu.my

Abstrak

Kanak-kanak gelandangan tidak boleh dipinggirkan dan mereka juga berhak untuk mendapatkan pendidikan formal serta layak untuk memasuki prasekolah sama seperti kanak-kanak biasa yang lain. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah yang mengajar kanak-kanak gelandangan di sebuah prasekolah khusus untuk kanak-kanak gelandangan di Kuala Lumpur. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi maklum kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pendidikan peringkat prasekolah kanak-kanak gelandangan mengenai cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual secara mendalam. Pemerhatian juga telah dilakukan terhadap seorang guru prasekolah semasa mengajar kanak-kanak gelandangan ini. Hasil dapatan menunjukkan antara cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah ini adalah beban kerja akibat penambahan masa kerana sesi persekolahan diprasekolah ini lebih panjang berbanding dengan sesi persekolahan harian biasa. Guru prasekolah yang mengajar kanak-kanak gelandangan ini juga turut menghadapi tekanan emosi kerana sikap dan tingkah laku kanak-kanak gelandangan yang sangat berbeza dengan kanak-kanak biasa yang lain yang tidak menghormati guru dan tidak mementingkan akademik. Guru juga menghadapi cabaran untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran kerana kekurangan infrastruktur diprasekolah tersebut. Walaupun guru menghadapi pelbagai cabaran dalam mengajar kanak-kanak gelandangan namun guru perlulah kental dan tabah untuk terus mendidik kanak-kanak gelandangan ini.

Kata kunci : Prasekolah gelandangan, kanak-kanak gelandangan, cabaran guru prasekolah.

Abstract

Homeless children cannot be marginalized and are entitled to undergo a formal education and are also eligible to attend the preschools as other children. This study's purpose is to identify the challenges faced by a preschool teacher in teaching the homeless children at a specific homeless preschool in Kuala Lumpur. The significance of this study is to apprise those who are involved directly in the homeless preschool education and to inform them about the challenges faced by the preschool teachers. This study is a qualitative study that uses in-depth interview methods. Observations have also been made to a preschool teacher while he was teaching the homeless children. The findings show that among the challenges faced by this particular preschool teacher is the excessive workload due to the addition of time as the preschool sessions is longer than the normal school sessions. The preschool teacher who taught these homeless children was also facing an emotional stress as the behavior of the homeless children are non-identical to the ordinary children who doesn't respect the teachers and are not emphasizing academic. The teacher also faces the challenges of implementing the teaching and learning processes due to the shortage of infrastructures in the preschool itself. Although the teacher faces numerous challenges in teaching the homeless children, the teacher needs to be tough and persistent to continue educating these homeless children.

Keywords: homeless preschoolers, homeless children, pre-school teacher challenges.

1.0 PENGENALAN

Kanak-kanak gelandangan sama seperti kanak-kanak normal biasa dan juga berhak mendapat pendidikan sama seperti kanak-kanak lain walaupun mereka ini hidup dalam keadaan serba kekurangan. Justeru itu, sebuah sekolah gelandangan telah ditubuhkan di tengah bandaraya Kuala Lumpur yang bertujuan untuk menempatkan kanak-kanak dan pelajar gelandangan yang berumur antara 4 tahun hingga 17 tahun. Mengikut perangkaan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seramai 7,833 orang gelandangan telah diselamatkan oleh JKJ bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011. Angka ini semakin meningkat saban tahun dan isu ini harus dipandang serius terutama sekali golongan gelandangan yang mempunyai anak-anak kecil. Peningkatan kanak-kanak gelandangan sekaligus memberi cabaran yang lebih besar kepada guru-guru di sekolah gelandangan ini. Pendidikan untuk kanak-kanak gelandangan juga mungkin terjejas jika guru-guru yang berdedikasi, berpengetahuan melepaskan tanggungjawab mereka mengajar kanak-kanak gelandangan (*National Center on Family Homelessness* 2009). Ini diburukkan lagi dengan hanya satu sekolah sahaja yang divujudkan untuk menempatkan murid-murid gelandangan ini di ibu Negara.

Krisis ekonomi baru-baru ini telah membawa perhatian baru kepada nasib kanak-kanak gelandangan. Kerajaan serta pihak yang terbabit haruslah mencari jalan untuk memastikan kanak-kanak gelandangan menerima pendidikan yang terbaik malah adalah amat penting jika kitaran kemiskinan dan populasi golongan gelandangan dapat dikurangkan serta pendidikan untuk anak-anak gelandangan dapat dipertingkatkan (Quint 1994; Knowlton 2006; Polakow 2007; Books 2007; *National Center on Family Homelessness* 2009). Cabaran mendidik kanak-kanak gelandangan dan memastikan keperluan akademik mereka dipenuhi kadang kala sukar untuk dilaksanakan atas faktor yang melibatkan guru, kareneh kanak-kanak gelandangan itu sendiri, kemudahan fasiliti dan sebagainya.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah ketika mengajar kanak-kanak gelandangan. Guru prasekolah mempunyai peranan penting dalam membantu perkembangan dan pembentukan peribadi kanak-kanak. Tugas guru prasekolah tidaklah mudah dan ini merupakan beban kerja bagi guru. Sesetengah masyarakat menganggap profesion pendidikan awal kanak-kanak sesuatu yang mudah dan sesiapa pun boleh mengajar kanak-kanak namun ianya amatlah berbeza bagi guru prasekolah di sekolah gelandangan ini. Cabaran ini akan dilihat dari sudut beban guru, pengajaran dan pembelajaran dan juga dari sudut infrastuktur di prasekolah gelandangan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Bahagian ini akan menerangkan berkaitan dengan cabaran yang dilalui oleh guru prasekolah gelandangan dalam mendidik kanak-kanak prasekolah yang merangkumi beban tugas, pengajaran dan pembelajaran serta infrastuktur.

2.1 Beban Tugas

Beban berasal dari perkataan beban yang membawa makna tanggungan (kewajiban) yang berat. Manakala perkataan tugas pula memberi maksud kepada kewajiban sesuatu kerja atau tanggungjawab yang mesti dikerjakan dan sesuatu yang ditentukan untuk dilaksanakan. Dalam konteks kajian ini, masalah beban tugas adalah tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh seseorang guru prasekolah gelandangan yang sepatutnya hanya mengajar kanak-kanak gelandangan namun terpaksa melakukan melakukan kerja-kerja dan tugas di luar bidang hakiki seorang guru prasekolah contohnya menguruskan lawatan dan program yang diadakan setiap minggu di sekolah ini. Sekurang-kurangnya empat lawatan dari pihak luar datang ke sekolah ini dan ini menjadi satu tekanan dan kerja tambahan kepada guru-guru untuk menguruskan lawatan-lawatan tersebut dan menyebabkan guru kurang memberi penumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

Sesi persekolahan di prasekolah gelandangan ini bermula pada pukul 8 pagi sehingga 4.30 petang dimana ianya berbeza dengan sesi prasekolah biasa yang bermula dari pukul 8 pagi sehingga 12 tengahari sahaja. Pada hujung minggu pula terdapat program *out-reach* yang melibatkan pihak pentadbiran dan guru-guru sekolah gelandangan. Ini secara tidak langsung memberi penambahan bebanan kepada guru-guru.

2.2 Pengajaran Dan Pembelajaran

Pengajaran ialah bentuk tugas dan aktiviti yang dilakukan oleh guru bersama-sama serta melibatkan muridnya. Pembelajaran pula adalah satu proses interaksi anak didik dengan pendidik supaya berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran, pembentukan sikap dan kepercayaan kepada anak didik. Pengajaran dan pembelajaran menjadi salah satu cabaran guru untuk mendidik kanak-kanak gelandangan.

Cabaran mendidik kanak-kanak gelandangan dan memastikan keperluan mereka dipenuhi kadang-kadang sukar untuk dilaksanakan. Guru perlu berusaha lebih keras untuk memastikan kanak-kanak gelandangan menerima pendidikan yang terbaik sama seperti kanak-kanak biasa dan agar kanak-kanak ini mendapat hak semarataan dari segi pendidikan dan kitaran kemiskinan serta populasi golongan gelandangan dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa kesan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak adalah bergantung pada kualiti program pendidikan prasekolah yang disediakan.

2.3 Kemudahan Infrastruktur

Dari segi infrastruktur pula, infrastruktur bermaksud struktur asas sesuatu organisasi, kemudahan dan perkhidmatan asas yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara, masyarakat, organisasi dan sebagainya. Menyediakan persekitaran yang konsisten dan selesa adalah asas bagi mewujudkan perhubungan yang berkualiti antara guru dan kanak-kanak gelandangan. Persekitaran bilik darjah yang huru-hara mungkin memburukkan lagi perasaan kebimbangan kanak-kanak gelandangan yang cuba untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru. Ini secara tidak langsung boleh memberi bebanan dan tekanan kepada guru.

Kesimpulannya, daripada pernyataan masalah kajian ini dapat menerangkan tentang beban tugas guru adalah dilihat dari aspek (i) guru diberi tugas yang berlebihan dan perkerjaan yang bukan dalam skop bidang tugas mereka, (ii) pengajaran dan pembelajaran adalah dari segi bagaimana guru hendak mengawal kanak-kanak ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku dan (iii) cabaran infrastruktur pula adalah dari perspektif kekurangan prasarana dan alat bantu mengajar yang boleh melemahkan semangat guru untuk mendidik kanak-kanak gelandangan ini dengan lebih cemerlang. Hasil kajian ini banyak dijalankan diluar Negara dan masih kurang lagi kajian yang berkaitan dengan kanak-kanak gelandangan di Malaysia. Oleh kerana itu, kajian ini dilakukan kerana ingin melihat apakah cabaran yang dihadapi oleh guru yang mengajar di prasekolah gelandangan ini yang merangkumi perkara dari beban tugas, pengajaran dan pembelajaran serta infrastruktur.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini akan menyorot penulisan dan juga kajian lepas yang berkaitan dengan cabaran guru yang mengajar kanak-kanak gelandangan.

3.1 Bebanan tugas guru

Menurut Jaafar (2006), beban tugas sebagai seorang guru bermaksud seseorang guru yang diberikan tugas tugas mengajar yang berlebihan, menjalankan tugas-tugas perkeranian seperti menulis, merekod atas mengisi pelbagai borang, kad dan buku rekod tentang murid. Perkara ini turut disokong dengan kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (Utusan 31 Mac 2010), guru turut dibebani dengan tugas lain selain tugas hakiki iaitu mengajar seperti menguruskan aktiviti luar bilik, menjaga kebajikan dan hal ehwal murid, perkeranian dan pentadbiran serta tugas sampingan lain yang perlu dibuat mengikut keperluan semasa.

Hasil kaji selidik Jabatan Kesihatan Masyarakat Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), lambakan beban kerja dan kerap mendapat tugas di luar waktu pejabat merupakan antara penyebab yang penyumbang kepada stress atau tekanan (Berita Harian 27 September 2011). Ini disokong dengan kenyataan dari bahagian perancangan dan penyelidikan pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) yang menyatakan beban tugas guru sekolah adalah diukur berdasarkan jumlah jam guru bekerja.

3.2 Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Kanak-Kanak Prasekolah Gelandangan

Pengajaran dan pembelajaran menjadi salah satu cabaran guru untuk mendidik kanak-kanak gelandangan. Kenyataan ini disokong oleh kajian luar negara iaitu menurut Knowlton 2006; Books 2007 & National Center on Family Homelessness 2009. Nabors et al. (2005) menyatakan wujudnya nilai budaya dan salah tanggapan mengenai gelandangan, maka tidak menghairankan bahawa terdapat bukti menunjukkan bahawa sesetengah guru menilai kanak-kanak gelandangan sebagai lebih sukar diajar berbanding kanak-kanak bukan gelandangan, terutamanya kanak-kanak lelaki.

Guru perlu bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan menyesuaikan keadaan persepsi mereka sendiri terhadap kanak-kanak dan pelajar gelandangan ini (Powers-Costello & Swick 2008; Poland 2010). Sesetengah guru melihat kanak-kanak gelandangan sebagai cabaran yang lebih sukar untuk dididik kerana sifat nakalnya dan tidak menunjukkan minat dalam pengajaran dan pembelajaran sekaligus menyebabkan tingkah kanak-kanak ini didalam kelas menjadi negatif dan agresif (Anderson & Taylor 2002). Kelakuan agresif kanak-kanak gelandangan ini secara tidak langsung mempengaruhi cara guru mengajar dan berinteraksi. Hal ini akan membuatkan kanak-kanak gelandangan menjadi rendah diri dan merasa disisihkan oleh guru

3.2 Infstruktur di Prasekolah Gelandangan

Gelandangan tidak hanya terdiri daripada satu kumpulan homogen sahaja (Huntington, Buckner, & Bassuk 2008). Sekolah boleh menjadi suatu tempat perlindungan, memberikan rasa kestabilan dan keselesaan yang mereka tidak dapat di tempat lain (Knowlton 2006). Kanak-kanak gelandangan kekurangan dari segi tuntutan menuntut ilmu maka mereka perlukan sekolah yang sesuai dan selamat, kelas yang teratur, rutin harian yang gembira dimana dapat memberikan rasa kestabilan dan membantu kanak-kanak merasakan bahawa bilik darjah adalah tempat yang tenang dan aman untuk belajar (Monkman, MacGillivray & Leyva 2003; Knowlton 2006).

Infstruktur yang lengkap dan penjagaan dari guru dapat meningkatkan semangat diri dan menjadikan kanak-kanak gelandangan lebih cenderung untuk kerap hadir ke sekolah dan lebih berusaha dalam kerja sekolah mereka (Knowlton 2006; Aviles de Bradley 2011). Ini dipersetujui oleh Menchaca & Ruiz- Escalante (1995) yang menegaskan pengurusan bilik darjah yang berkesan adalah satu lagi pertimbangan yang penting.

4.0 CABARAN

Berdasarkan analisis dapatan kajian, terdapat 3 tema utama cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah gelandangan ini:

4.1 Tema 1: Masa Persekolahan Lebih Panjang Berbanding Prasekolah Harian Biasa

Hasil daripada temubual, guru yang mengajar prasekolah gelandangan ini mempunyai masa persekolahan yang lebih panjang. Diprasekolah biasa, sesi bermula dari seawal 8 pagi hingga 12 tengahari namun, diprasekolah gelandangan ini sesi persekolahan bermula dari pukul 8 pagi sehingga 4.30 petang.

“Sekolah ini beroperasi dari pukul 8 pagi sampai ke 4.30 petang. Kalau ikut prasekolah lain sampai pukul 12 kan tetapi di sini, murid tidur di prasekolah sampai pukul 4.30 petang baru mereka akan balik”.

Waktu persekolah diprasekolah ini berbeza dengan prasekolah lain kerana sebaik sahaja tamat sesi pembelajaran pada pukul 12, kanak-kanak ini akan diberi makan tengahari dan mereka akan tidur sehinggalah pukul 4.30 petang kemudian barulah mereka balik. Guru juga menghadapi kekangan untuk menyiapkan alat bantu mengajar akibat penambahan waktu sesi persekolahan. Jika guru diprasekolah harian biasa boleh menyediakan bahan bantu mengajar selepas kanak-kanak pulang ke sekolah namun diprasekolah ini, guru harus menjaga kanak-kanak ini kerana mereka tidur di sekolah. Maka guru mempunyai masa yang terhad untuk merancang dan menyediakan alat bantu mengajar yang baik untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak gelandang.

Selain daripada mengajar, guru prasekolah gelandangan juga terpaksa mengorbankan cuti Sabtu dan Ahad untuk program mencari kanak-kanak gelandangan yang dinamakan sebagai program *out-reach*:

“Kadang-kadang kalau ada program, dia akan ganggu sabtu ahad kita, biasanya kita akan buat *out-reach* ni hujung minggu sabtu ahad kita akan buat *out-reach*”.

Berikutan program *out-reach* yang dijalankan pada hujung minggu, hal ini sekaligus memberi kesan pada emosi guru tersebut rentetan komitmen yang harus dicurahkan untuk program. Hal ini kerana guru tiada cuti hujung minggu disamping masa bersama keluarga terganggu.

Selain itu, program-program yang diadakan oleh pihak luar dan NGO di sekolah gelandangan ini juga secara tidak langsung mengganggu sasaran kemajuan akademik yang guru mahukan.

“Mengganggu saya punya target kerana dalam seminggu kadang kala 4 kali pelawat datang dan NGO datang, jadi memang tersangat sibuk”.

Disebabkan sekolah dan prasekolah ini merupakan satu-satunya sekolah yang khusus untuk kanak-kanak gelandangan di ibu Negara, maka banyak pihak NGO dan pihak luar yang datang ke sekolah dan prasekolah gelandangan ini untuk melakukan program. Ini memberikan cabaran dan tugas tambahan untuk guru kerana guru prasekolah juga terlibat untuk menguruskan program ini. Kanak-kanak prasekolah sudah mulai bosan dengan program yang dianjurkan setiap minggu. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan dalam mencapai sasaran kemajuan akademik kanak-kanak berikutan terganggu dengan program yang dianjurkan. Pihak pentadbiran sekolah cuba untuk menyekat dan juga menapis pihak luar daripada datang ke sekolah untuk melakukan program namun masih gagal.

“Bila saya tak capai saya target, saya rasa terkilang kerana saya ada pencapaian yang ingin saya lihat dalam kanak-kanak ini namun sedikit kecewa jika tak dapat capai target tu”.

4.2 Tema 2: Tingkah Laku Kanak-Kanak Gelandangan Didalam Kelas

Kanak-kanak gelandangan berlainan sifatnya dengan kanak-kanak biasa yang hidup dalam keadaan normal. Mereka mungkin bijak dijalanan namun lemah didalam kelas. Keadaan kehidupan seharian mereka secara tidak langsung memberi kesan kepada guru prasekolah. Agresif dan sikap tidak fokus kanak-kanak ini ketika proses pengajaran dan pembelajaran sangat memberi cabaran kepada guru prasekolah gelandangan ini. Kanak-kanak ini menganggap pendidikan bukanlah sesuatu yang penting kerana pada akhirnya mereka tetap juga akan menjadi seorang gelandangan mengikut jejak langkah ibu bapa mereka. Maka guru harus menerangkan dan memurnikan balik niat dan tujuan mereka untuk menuntut ilmu. Kanak-kanak gelandangan ini juga hanya datang ke sekolah kerana sekolah ini menyediakan makanan sebanyak 4 kali sehari dan ini adalah salah satu penyebab mengapa kanak-kanak datang ke sekolah. Guru juga sukar untuk mengekalkan kehadiran kanak-kanak untuk datang ke sekolah kerana kesemua kanak-kanak disini hidup berpindah randah dan sekiranya guru memberikan kerja rumah untuk disiapkan, mereka akan menghilangkan buku latihan tersebut.

“Susah. Susah untuk latih dia orang untuk ke sekolah jadi dengan pendidikan memang sangat susah.

Mula-mula dia cakap kenapa nak belajar bersungguh-sungguh masa ni, nanti saya dah besar saya ikut macam ayah saya juga. Mereka juga hanya belajar di sekolah sahaja disebabkan tiada rumah maka sukar untuk diberi kerja rumah dan latihan untuk mereka”. Disini juga mereka akan mendapat makan percuma sebanyak 4 kali sehari”

Guru prasekolah juga berdepan dengan kanak-kanak yang bersikap tidak menghormati guru dan tidak berdisiplin Walaupun mereka berumur 4 hingga 6 tahun, namun perangai mereka memaksa guru menjadi seorang yang tegas dan garang. Seperti sedia maklum, pada peringkat umur 4 hingga 6 tahun, didikan dan ajaran yang lembut harus diterapkan dalam diri kanak-kanak namun sifat lemah lembut ini tidak boleh diaplikasikan diprasekolah gelandangan ini. Guru terpaksa menggunakan kaedah pendekatan yang lain untuk kawalan kelas agar kanak-kanak ini lebih mendengar arahan guru.

“Terus terang saya cakap saya memang garang kerana kalau kita cakap lemah lembut, kanak-kanak ini tidak ambil peduli. Saya kena garang dan tegas barulah mereka takut dan percakapan mereka juga lagi kasar disebabkan oleh ruang hidup mereka memang sebegitu”.

Selain itu, guru prasekolah gelandangan ini turut menyatakan kebimbangannya terhadap kurikulum baru yang akan diajar mulai tahun hadapan. Guru berpendapat, pertukaran kurikulum ini sedikit sebanyak memberi cabaran dalam mengajar kanak-kanak ini kerana guru bimbang kanak-kanak disini tidak mampu mengadaptasi kurikulum yang baharu sekaligus membantutkan sesi pengajaran dan pembelajaran. Kanak-kanak gelandangan ini memulakan sesi persekolahan mereka sejak dari umur 4 tahun lagi, mereka mungkin akan menjadi semakin malas dan bosan akibat kandungan tahap kurikulum yang tinggi dan juga kerana tempoh masa mereka bersekolah itu panjang. Kebiasaannya kanak-kanak memulakan sesi prasekolah mereka sejak berumur 5 atau 6 tahun, namun ia akan menjadi satu tempoh persekolah yang panjang jika kanak-kanak gelandangan ini memasuki prasekolah sejak dari umur 4 tahun lagi.

“Untuk kurikulum yang baru ini, saya rasa sangat sukar untuk murid prasekolah. Saya takut jika kurikulum dia tinggi sangat kanak-kanak tak boleh *caught up* dan mereka akan jadi penat dan makin

malas. Mereka sudah masuk sekolah seawal umur dia 4 tahun dan apabila dia sudah masuk seawal 4 tahun, dia akan masuk sekolah terlalu lama dan dia akan jadi bosan”

4.3 Tema 3: Kekurangan Infrastruktur Yang Lengkap Di Prasekolah

Cabaran dari segi infrastruktur pula adalah dari sudut kekurangan ruang untuk melakukan aktiviti luar dan ketiadaan taman permainan seperti diprasekolah harian biasa. Jika mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), kanak-kanak prasekolah harus melakukan aktiviti luar bilik darjah yang melibatkan pergerakan fizikal sebanyak 2 kali seminggu dan 30 minit setiap sesi namun ketiadaan taman permainan dan juga ruang untuk aktiviti luar telah memaksa guru prasekolah menggantikan aktiviti fizikal dengan aktiviti yang lain iaitu dengan menggunakan *stall library*.

“Taman permainan dan ruang luar tak ada kerana sekolah saya dah tak ada ruang untuk itu. Hanya ada kelas sahaja dan tiada ruang untuk aktiviti luar. Ini menyukarkan untuk saya melakukan aktiviti luar kelas bersama kanak-kanak”. Namun kekurangan ini digantikan dengan *stall library* yang diberi oleh pihak NGO dan library ni satu ruang yang penuh dengan alat pengajaran dan pengajaran”.

Prasekolah juga haruslah menjadi satu tempat yang selamat bagi kanak-kanak gelandangan ini berlindung. Kanak-kanak gelandangan ini mungkin tidak berminat untuk belajar namun mereka datang ke prasekolah kerana merasakan prasekolah lagi selamat dari kehidupan luar mereka yang sering berpindah randah dan tiada tempat tinggal yang tetap. Maka guru dan pihak sekolah haruslah menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik untuk kesenangan dan kesejahteraan kanak-kanak gelandangan ini.

“Biasanya bila kita tanya awak rasa sekolah dengan rumah mana selamat? Mereka menyatakan duduk di sekolah lebih selamat”

5.0 PERBINCANGAN

Hasil analisis data jelas menunjukkan bahawa guru prasekolah gelandangan menerima cabaran yang lagi berat berbanding cabaran mengajar di prasekolah harian biasa. Penambahan masa sesi persekolahan adalah antara tekanan yang harus guru hadapi. Muhammad Shukri (1998), menyatakan beban tugas guru boleh diukur dengan mengira jumlah masa yang digunakan bagi melakukan sesuatu kerja. Sesi persekolahan biasa sepatutnya hanya dari hari isnin dan jumaat namun disebabkan program out-reach, semua guru disekolah gelandangan terpaksa mengorbankan masa lapang mereka demi anak-anak gelandangan ini. Cadangan agar program *out-reach* ini dijalankan secara bergilir-gilir antara guru mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak pentadbiran sekolah gelandangan ini.

Ironinya, secara semulajadi kanak-kanak gelandangan akan menghadapi isu yang berkaitan dengan kesihatan, tabiat kebersihan yang rendah dan teruk serta tekanan emosi yang tinggi dimana perkara ini akan menjejaskan interaksi mereka dengan guru dan masyarakat luar. Keadaan kehidupan gelandangan juga boleh memberi kesan buruk kepada harga diri kanak-kanak (Daniels 1992) dan kajian menunjukkan bahawa sifat rendah diri di kalangan kanak-kanak, terutamanya remaja, menghalang pencapaian akademik. Maka guru haruslah bijak mempelbagaikan corak pengajaran dan menjadi seorang guru yang kreatif dalam mengajar kanak-kanak prasekolah gelandangan ini agar mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian.

Bagi kemudahan infrastruktur pula mungkin tidak menjadi masalah dan cabaran kepada guru kerana adanya *small library* namun, guru masih mengharapkan khususnya pihak KPM boleh membina taman permainan ataupun ruang untuk aktiviti luar bagi membantu perkembangan motor kasar kanak-kanak ini. Pernyataan ini sesuai dengan kenyataan Sufean (2002) iaitu antara halangan dan kesan sampingan terhadap perancangan dan pelaksanaan program prasekolah KPM ialah kekurangan kawasan untuk membina dua bilik darjah tambahan di sekolah-sekolah rendah, khususnya di bandar-bandar dan mewujudkan empat aliran atau jenis prasekolah serta latihan keguruan

Kajian telah menunjukkan bahawa kebanyakan guru tidak mempunyai budaya, rujukan dan pandangan yang sama mengenai pelajar mereka (Au 1980; Heath 1983; Gay & Howard 2000). Berkongsi latar belakang kaum dan etnik yang sama tidak semestinya membolehkan seorang guru menterjemahkan pemahaman budaya beliau kepada kanak-kanak gelandangan dengan cara yang menjamin akses kepada peluang pendidikan (Montecinos 1994; Foster 2001). Walau bagaimanapun, jelas terbukti bahawa guru-guru perlu bersedia untuk mempertimbangkan pengalaman yang berbeza serta cabaran yang perlu dihadapi demi memenuhi keperluan akademik kanak-kanak gelandangan.

Pendidik terutamanya perlu berpengetahuan tentang pelbagai pengalaman dan keperluan kanak-kanak gelandangan dan menggunakan maklumat ini untuk membimbing keputusan pedagogi mereka. Memahami pengalaman sosial dan pendidikan kanak-kanak gelandangan dan bagaimana pengalaman

mempengaruhi akademik kanak-kanak ini adalah perlu untuk pembangunan dasar dan amalan pendidikan kanak-kanak gelandangan pada masa depan.

Keadaan yang dihadapi oleh guru prasekolah ini tidak patut dibiarkan berterusan kerana ia akan menyebabkan guru prasekolah berasa kecewa dan akhirnya hilang keazaman dan minat dalam tugas mereka sehingga mengakibatkan ramai guru prasekolah meletak jawatan. Sekiranya keadaan ini dibiarkan, ia akan mempengaruhi kualiti guru prasekolah dalam pembentukan kanak-kanak gelandangan. Guru yang mengajar di prasekolah memainkan peranan yang sangat penting kerana mereka merupakan penggerak dalam mendidik, membentuk kanak-kanak dari semua segi samaada segi kognitif, emosi, rohani, social atau pun fizikal.

6.0 KESIMPULAN

Walaupun banyak cabaran yang harus dihadapi oleh guru prasekolah gelandangan ini namun baginya semua ini atas ketulusan dan keikhlasan hati seorang guru untuk mengajar kanak-kanak gelandangan yang kurang bernasib baik ini. Walaupun perwatakan kanak-kanak gelandangan ini berbeza dengan kanak-kanak biasa yang lain serta tidak mementingkan pendidikan namun ianya tidak mematahkan semangat guru ini untuk terus berjuang berbakti mengajar kanak-kanak gelandangan ini sehingga berjaya.

Diharapkan agensi yang terlibat secara langsung dalam pendidikan prasekolah ini dapat memahami dengan lebih jelas lagi tentang perasaan dan permasalahan yang dihadapi oleh guru prasekolah gelandangan ini dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Dengan itu, langkah-langkah susulan yang harus diambil oleh pihak berkenaan mestilah berdasarkan realiti yang sebenar, bukan saja untuk kepentingan guru prasekolah gelandangan tetapi untuk kepentingan pendidikan prasekolah Negara ini.

7.0 RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang & Muhamad Hisyam Mohd Hashim (2011). Hubungan Iklim Kerja Dan Stres Dalam Pengurusan Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Journal of Techno-Social*
- Anderson, M., & Taylor, H. (2002). *Sociology: Understanding a diverse society (2nd ed.)*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Buckner, J., Bassuk, E., & Huntington. (2008). Predictors Of Academic Achievement Among Homeless And Low-Income Housed Children. *Journal of School Psychology*.
- Daniels, J. (1992). Empowering Homeless Children Through School Counseling. *Elementary School Guidance and Counseling*
- Gay, G., & Howard, T. (2000). Multicultural Teacher Education For The 21st century. *Teacher Educator*, 36(1), 1-16.
- Jaafar Sidek Latif. (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Knowlton, A. S. (2006). Helping The Homeless: What Educators Can Do To Ease The Pain. *The Kappa Delta Gamma Bulletin*, p. 17-19.
- MacGillivray, L., Ardell, A., & Curwen, M. (2010). Supporting The Literacy Development Of Children Living In Homeless Shelters. *Reading Teacher*, 63(5), 384-392.
- Menchaca, V. D., & Ruiz-Escalante, J. A. (1995). Instructional Strategies For Migrant Students. ERIC Digest. Charleston, WV: ERIC Clearinghouse on Rural Education and Small Schools. Retrieved from ERIC database.
- Muhammad Shukri Bin Salleh (1998). Beban Tugas Di Kalangan Guru Sekolah Rendah. Universiti Utara Malaysia. Tesis Sarjana
- Nabors, L., Rofey, D., Sumajin, I., Lehmkuhl, H., & Zins, J. (2005). Teacher Perceptions of the Emotional and Behavioral Functioning For Children Experiencing Homelessness. *Journal of Social Distress and the Homeless*, 14(4), 171-189.
- National Center for Children in Poverty. (2008). Child poverty. Retrieved June 30, 2008 from <http://www.nccp.org/topics/childpoverty.html>.
- National Center on Family Homelessness. (2009). America's Youngest Outcasts: State Report Card On Child Homelessness. Retrieved from <http://www.homelesschildrenamerica.org/mediadocs/280.pdf>.

- Polakow, V. (2007). In *The Shadows Of The Ownership Society: Homeless Children And Their Families*. In S. Books', (Ed.), *Invisible Children in the Society And Its Schools* (pp. 39-62). Mahweh, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Powers-Costello, & Swick (2008). Transforming Teacher Constructs of Children And Families Who Are Homeless. *Early Childhood Education Journal*
- Quint, S. (1994). *Schooling Homeless children: A working Model For America's Public schools*. New York: Teachers College Press.
- Swick, K. J. (2008). The Dynamics Of Violence And Homelessness Among Young Families. *Early Childhood Education Journal*, 36: 81-85.
- Sufean et. Al. (2006). *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.